

CNS8964

U GB 23-07 00207 BH747

BAH

Mahathir - SAPP

MALAYSIA BOLEH, KATA MAHATHIR

KOTA KINABALU, 23 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru rakyat supaya memupuk semangat "Malaysia Boleh" untuk menguatkan keyakinan bahawa Malaysia boleh mencapai hasratnya untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Sambil menegaskan slogan "Malaysia Boleh" yang sering digunakan semasa acara sukan, Perdana Menteri berkata, Malaysia kini telah membuktikan kepada dunia bahawa ia mampu mentadbir sendiri dengan baik tanpa bantuan orang lain.

"Walaupun kita ada masalah, kita boleh menyusun pentadbiran kita supaya negara ditadbir dengan cara yang cukup baik dan hubungan rakyat dan kerajaan begitu rapat," katanya semasa merasmikan kongres pertama Parti Maju Sabah (SAPP), sebuah parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah di Auditorium Yayasan Sabah, di sini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, dalam bidang ekonomi, Malaysia telah menukar imejnya daripada sebuah negara yang bergantung kepada pertanian dan bijih timah kepada sebuah negara industri yang hari ini lebih 72 jenis daripada eksportnya merupakan barangan pembuatan.

"Ada orang yang cuba mempersendakan Wawasan 2020 kita untuk menjadi negara maju sama seperti Eropah, Amerika dan Jepun. Tetapi yakinkanlah kalau kita mempunyai kepercayaan yang kita boleh, kita boleh menguasai segala ilmu dan kecekapan," katanya. -- Lagi.

▼23/07/18-36MST

CNS8965

U GB 23-07 00166 BH748

BAH

Mahathir - SAPP 2 Kota Kinabalu

"Kita boleh menjadi negara maju pada tahun 2020. Kita buktikan bahawa kita boleh, Malaysia boleh," katanya.

Dalam bidang sosial, Perdana Menteri berkata, Malaysia telah buktikan tiada rakyat yang tidak diberi perhatian oleh kerajaan, terutama golongan miskin yang sentiasa diberi pembelaan melalui program pembasmian kemiskinan.

"Kalau dulu 57 peratus rakyat berada di bawah tahap kemiskinan, hari ini hanya 15 peratus sahaja yang masih berada di bawah tahap itu," katanya.

Katanya, banyaknya negara yang cuba mempelajari cara Malaysia mentadbir negara membuktikan bahawa Malaysia boleh mentadbir dengan baik.

Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia yang herbilang kaum juga membuktikan mereka boleh bersatu dan bekerjasama sedangkan negara yang hanya mempunyai dua kaum sahaja sering bersengketa.

"Banyak negara yang mengaku mereka lebih demokratik tetapi apa maknanya demokrasi jika kadar pengangguran mereka melebihi 11 peratus dan ada yang mencapai 20 peratus. Apakah yang hendak dibanggakan dengan demokrasi mereka jika rakyat mereka menderita," katanya. -- Lagi.

▼23/07/18-37MST

U GB 23-07 00137 BH749

BAH

Mahathir - SAPP 3 Kota Kinabalu

Dr Mahathir berkata, kerjasama erat antara parti-parti komponen BN telah membawa banyak kemajuan di negara ini malah parti pembangkang juga turut mengecap nikmat hasil kerjasama itu.

Katanya, parti komponen BN juga membuktikan kepada dunia bahawa 13 parti politik boleh bersatu dan bekerjasama sedangkan di negara lain, dua buah partipun sukar untuk berkompromi.

Dr Mahathir juga menekankan betapa pentingnya konsep Barisan Nasional diterapkan dalam hati sanubari semua rakyat Malaysia terutama generasi muda.

Beliau berharap setiap parti komponen akan berusaha menyemai semangat BN dalam hati anggota mudanya supaya mereka bukan sahaja akan bekerjasama tetapi faham mengapa mereka menyertainya.

Perdana Menteri tidak mahu kalangan anggota BN yang membuat sesuatu seperti robot tanpa memikirkan apa-apa sehingga sanggup berbuat apa sahaja yang disuruh. -- Lagi.

♥23/07/19-01MST

CNS8977

U GB 23-07 00210 BH750

BAH

Mahathir - SAPP 4 (Akhir) Kota Kinabalu

"Kita mesti faham kenapa kita berada dalam BN dan perlu bekerjasama antara satu parti dengan parti yang lain," katanya.

Katanya, melalui konsep BN, setiap anggotanya harus menyokong setiap calon yang diletakkan BN di sesuatu kawasan itu sama ada calon itu terdiri daripada komponen partinya atau daripada komponen lain.

"Jika dia tidak menyokong calon di kawasan itu kerana calon berkenaan bukan dari partinya, maka calon dari partinya di tempat lain tidak akan mendapat sokongan," jelasnya.

Katanya, untuk memenangi pilihan raya, setiap undi penting dan sebab itu setiap anggota tidak boleh menganggap golongan yang kecil tidak perlu dilayan.

Setiap anggota BN perlu ingat bahawa mereka bukanlah satu parti tetapi terdiri daripada gabungan pelbagai parti, katanya.

Presiden SAPP, Datuk Yong Teck Lee pula berkata, setakat ini SAPP mempunyai 285 cawangan berdaftar di seluruh negeri dan sebahagian lagi sudah dibuka dan masih menunggu pendaftaran.

SAPP, ditubuhkan menjelang pilihan raya negeri Februari lepas ekoran tindakan beberapa pemimpinnya meninggalkan Parti Bersatu Sabah (PBS).

Yang turut hadir di majlis itu ialah Ketua Menteri Tan Sri Sakaran Dandai dan anggota kabinet kerajaan negeri, ketua-ketua dan para pemimpin komponen BN yang lain. -- Bernama.

MOK OPP KAM.

♥23/07/19-07MST